

D117

U B093 DEB  
MAHATHIR - KERAJAAN

PASIR GUDANG, 6 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MENJADI TANGGUNGJAWABNYA UNTUK MENINGATKAN RAKYAT TENTANG PENTINGNYA KERAJAAN BARISAN NASIONAL YANG DISOKONG OLEH MAJORITI RAKYAT TERUS MEMERINTAH NEGARA DEMI KESEJAHTERAAN DAN KEAMANAN.

OLEH KERANA KERAJAAN BN KUKUH, SETELAH MENDAPAT LEBIH DUA PERTIGA KERUSI DEWAN RAKYAT, IA BOLEH MENGGUBAL APA JUGA DASAR DAN MELAKSANAKAN DEMI FAEDAH RAKYAT DAN NEGARA TANPA TAKUT-TAKUT IA DIJATUHKAN, KATA PERDANA MENTERI SEMASA BERUCAP KEPADA 5,000 RAKYAT DI SINI.

SAMBIL MERUJUK KEPADA PERISTIWA 13 MEI 1969, BELIAU MENEGASKAN IA BERLAKU EKORAN PARTI PEMBANGKANG MENCABAR KEWIBAWAAN PERIKATAN YANG KETIKA ITU MEMPUNYAI KEMENANGAN KECIL SAHAJA, KATA BELIAU SAMBIL MENGATAKAN BELIAU BUKAN BERNIAT MENAKUT-NAKUTKAN RAKYAT SEPERTI YANG DIDAKWA OLEH PEMBANGKANG.

OLEH ITU APA YANG PETING IALAH MEMASTIKAN KERAJAAN BN TERUS MENDAPAT KEMENANGAN BESAR, LEBIH DUA PERTIGA UNTUK MENJAMIN KEAMANAN DAN KESTABILAN BERTERUSAN, KATA BELIAU.

LAGI PUN, KATANYA, KERAJAAN CAMPURAN SEKARANG YANG DIDOKONG OLEH SEMUA KAUM MEMBERI SEGALA PERTIMBANGAN SEWAJARNYA KEPADA SEMUA PIHAK DAN TIADA KAUM YANG TERTINGGAL DALAM MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN. -- LAGI.

2011MST 06 07 90

D121

U B094 DEB  
MAHATHIR - KERAJAAN 2 PASIR GUDUNG

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DALAM BN PARTI-PARTI GABUNGAN SALING SOKONG-MENYOKONG DI MANA JUGA CALON PARTI TERLIBAT BERTANDING, SEKALIPUN JIKA PARTI YANG BERTANDING TIDAK MEMPUNYAI MAJORITI PENGUNDI DARI KAUM YANG DIWAKILINYA.

SEBAGAI CONTOH, SEKALIPUN TIADA SEBUAHPUN KAWASAN PILIHAN RAYA MEMPUNYAI MAJORITI PENGUNDI KETURUNAN INDIA, CALON DARIPADA MIC TETAP BERJAYA DAN AKHIRNYA MIC MEMPUNYAI TEMPAT DALAM KERAJAAN, KATA BELIAU.

KETIKA BERCAKAP DENGAN PEMBERITA KEMUDIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENYATAKAN BAHAWA PADA PERJUMPAAN TERTUTUP BELIAU DENGAN PEMIMPIN UMNO SELURUH JOHOR DI JOHOR BAHRU PAGI TADI, BELIAU TELAH MENEGASKAN PRINSI PERJUANGAN UMNO YANG MESTI DIBERI KEUTAMAAN OLEH SELURUH ANGGOTA PARTI DALAM MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGENAI MANIFESTO PBS PADA PILIHAN RAYA UMUM NEGERI SABAH BERKAITAN DENGAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, PERDANA MENTERI MENGULANGI KENYATAAN TIMBALANNYA ENCIK GHAFAR BABA SEMALAM BAHAWA IA AKAN DIBINCANGKAN SELEPAS PILIHAN RAYA NEGERI ITU PADA 16 DAN 17 JULAI.

APABILA DITANYA SAMA ADA PATUT BAGI PBS MEMBUAT TUNTUTAN BERKENAAN, PERDANA MENTERI BERKATA: +SAYA TIDAK HENDAK BUAT KOMEN... TERPULANGLAH KEPADA RAKYAT SABAH UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN.+ -- LAGI.

2019MST 06 07 90

D161

U B106 DEB  
MAHATHIR - KERAJAAN 3 PASIR GUDUNG

SEMENTARA ITU KETIBAAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH SERTA BEBERAPA MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI DI KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG DISAMBUT MERIAH DENGAN PALUAN KOMPANG DAN PERARAKAN MOTOSIKAL SERTA PERBARISAN BUNGA MANGGAR.

SELAIN SEPANDUK PARTI-PARTI GABUNGAN BN YANG MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN PERDANA MENTERI, BEBERAPA SEPANDUK YANG MENGUTUK MTUC BERHUBUNG DENGAN ISU SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) SEPERTI YANG BERBUNYI +MTUC BELOT+, JUGA KELIHATAN.

YANG TURUT MENGHADIRI MAJLIS ITU IALAH RATUSAN PEKERJA KILANG-KILANG YANG BERSELERAK DI SEKITAR BANDAR PASIR GUDANG. --  
BERNAMA.

2138MST 06 07 90